SEJARAH TAHUN 5

TAJUK 9 : IDENTITI NEGARA KITA

-9.2 Bendera Kebangsaan

12 NOV 2021 - Jumaat

PRAKTIS SUMATIF

ARAHAN :

1. Baca dan fahami nota yang terdapat dalam buku teks muka surat 122 – 130.

2. Kemudian, jawab latihan yang berikut.

PRAKTIS SUMATIF

Pilih jawapan yang sesuai.

1. Apakah sumbangan Encik Mohamed bin Hamzah yang menjadi kebanggaan negara kita? (Buku Teks m.s. 122)
   A Mencadangkan pengenalan Rukun Negara
   B Jawatankuasa Khas Persekutuan Tanah Melayu
   C Mereka bentuk bendera kebangsaan
   D Membuat pindaan terhadap reka bentuk bendera kebangsaan
   JAWAPAN :

2. Apakah pihak yang bertanggungjawab menjalankan pertandingan mereka bentuk bendera Persekutuan? (Buku Teks m.s. 122)
   A Majlis Gerakan Negara
   B Majlis Raja-Raja Melayu
   C Jawatankuasa Perpaduan Negara
   D Jawatankuasa Khas Persekutuan Tanah Melayu
   JAWAPAN :

3. Apakah fungsi bendera kebangsaan? (Buku Teks m.s. 122)
   A Simbol peluasan
   B Simbol keriangan
   C Simbol penyatuan
   D Simbol penjajahan
   JAWAPAN :

4. Berapakah jalur merah dan putih yang terdapat pada bendera kebangsaan? (Buku Teks m.s. 123)
   A 11 C 13
   B 12 D 14
   JAWAPAN :

5. Apakah nama bendera kebangsaan Malaysia? (Buku Teks m.s. 124)
   A Jalur Cahaya
   B Jalur Terbilang
   C Jalur Gemilang
   D Jalur Cemerlang
   JAWAPAN :

6. Apakah maksud gemilang? (Buku Teks m.s. 124)
   A Berjaya C Bercahaya
   B Bersinar D Bergemerlapan
   JAWAPAN :

7. Pernyataan berikut berkaitan dengan maksud warna yang terdapat pada bendera kebangsaan. (Buku Teks m.s. 126)

Melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum.

   Apakah warna yang dimaksudkan?
   A Biru
   B Putih
   C Merah
   D Kuning
   JAWAPAN :

8. Apakah maksud bulan sabit pada bendera kebangsaan? (Buku Teks m.s. 126)

   A Melambangkan perpaduan pelbagai kaum
   B Melambangkan perpaduan 13 buah negeri
   C Melambangkan kesetiaan kepada raja dan negara
   D Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan
   JAWAPAN :

9. Bagaimanakah keadaan bendera semasa berkabung? (Buku Teks m.s. 129)
   A Suku tiang
   B Separuh tiang
   C Meleret ke tanah
   D Diturunkan sepenuhnya
   JAWAPAN :

LIVEWORKSHEETS

10 Mengapakah kita perlu menghormati bendera kebangsaan kita?

Buku Teks m.s. 128

I Lambang kedaulatan negara
II Lambang kemegahan
III Lambang kemajuan
IV Lambang keharmonian

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

JAWAPAN :

11 Mengapakah kita perlu menghormati bendera kebangsaan negara lain?

Buku Teks m.s. 130

A Menjaga keamanan sejagat
B Menjaga hubungan luar
C Menjaga kepentingan ekonomi
D Menjaga identiti negara

JAWAPAN :

12 Apakah yang dimaksudkan dengan 14 jalur pada bendera kebangsaan negara kita?

Buku Teks m.s. 126

A Melambangkan kesucian dan keikhlasan
B Melambangkan perpaduan rakyat pelbagai kaum
C Kerjasama antara negeri-negeri di Malaysia
D Perpaduan 13 buah negeri dan sebuah kerajaan Persekutuan

JAWAPAN :

LIVEWORKSHEETS